



**PEPERIKSAAN AKHIR SESI 2016/DIS  
FINAL EXAMINATION SESSION 2016/DIS**

<b>NAMA KURSUS</b> (COURSE NAME)	:	PENGAJIAN ISLAM 2
<b>KOD KURSUS</b> (COURSE CODE)	:	MPU 2312
<b>PROGRAM</b> (PROGRAMME)	:	DBI, DCA, DPP, DPK, DPH, DIT, DKM
<b>TEMPOH</b> (DURATION)	:	3 JAM
<b>PENSYARAH</b> (LECTURER)	:	USTAZAH AZIZAH BT IBRAHIM

**ARAHAN** (INSTRUCTIONS) :

1. Kertas soalan ini mengandungi **12** helaian bercetak termasuk muka hadapan.
2. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan bahagian A dalam borang OMR
3. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan bahagian B dalam **kertas jawapan.**
4. Pada akhir peperiksaan, serahkan kertas soalan dan jawapan.

**NO. Matrik :**             **KUMPULAN:** \_\_\_\_\_  
 MATRIC NUMBER GROUP

*(Dengan angka/ In numeric)*

**NO. KAD PENGENALAN** :               
 I/C @ PASSPORT NUMBER

**NAMA PELAJAR:** \_\_\_\_\_  
 STUDENT'S NAME

**JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU  
DO NOT OPEN THIS BOOKLET UNTIL INSTRUCTED**

**BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF****( 50 MARKAH)**

**ARAHAN :** Pilih jawapan yang **BETUL**. Sila tandakan jawapan tersebut di dalam borang OMR yang dibekalkan.

1. Perkataan Ad-Din boleh ditakrifkan sebagai \_\_\_\_\_
  - I Cara hidup
  - II Bentuk hidup
  - III Peraturan hidup
  - IV Pegangan hidup
  - A. I,II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. II, III, dan IV
  - D. I, II, III, dan IV
  
2. Ihsan dari segi bahasa membawa makna berikut **KECUALI :**
  - A. Berbuat baik
  - B. Berusaha dengan tekun
  - C. Beramal dengan sebaiknya
  - D. Bersangka baik
  
3. Seseorang yang beriman disebut sebagai :
  - A. Mukmin
  - B. Muhsin
  - C. Muslim
  - D. Mujrim
  
4. Aqidah dari segi bahasa membawa maksud berikut **KECUALI :**
  - A. Simpulan
  - B. Ikatan
  - C. Sangkutan
  - D. Ceraian
  
5. Sekumpulan perintah yang **TIDAK** ditetapkan rukun, peraturan, syarat, dan sebagainya merujuk kepada :
  - A. Ibadah umum
  - B. Ibadah khusus
  - C. Ibadah sunat
  - D. Ibadah wajib

6. Seseorang yang tidak melaksanakan kewajipan, namun masih beriktihad wajibnya kewajipan tersebut dianggap\_\_\_\_\_.
- Kafir
  - Fasik
  - Munafik
  - Murtad
7. "\_\_\_\_x\_\_\_\_\_ dan amal merupakan dua perkara yang beriringan dan tidak terpisah kerana amal adalah hasil daripada \_\_\_\_x\_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_x\_\_\_\_\_ juga tidak akan sempurna tanpa amal." X merujuk kepada :
- Ihsan
  - Khusyuk
  - Iman
  - Islam
8. \_\_\_\_\_ manusia dianggap muslim kerana ianya tidak sedikitpun menyimpang dari undang-undang biologi atau Sunnatullah.
- Jasad
  - Roh
  - Nafsu
  - Akal
9. Pilih pernyataan yang **BENAR** berkenaan ciri-ciri ibadah dalam Islam:
- Ibadah mesti dilakukan melalui perantaraan imam atau ulama
  - Ibadah tidak boleh dilakukan di tempat lain selain dari masjid
  - Semua aktiviti manusia dianggap ibadah jika disertai niat kerana Allah
  - Ibadah terhad kepada perintah fardu dan sunat
10. Berikut merupakan syarat penerimaan sesuatu ibadah di sisi Allah **KECUALI** :
- Keikhlasan hati dalam beribadah
  - Keimanan hanya kepada Allah
  - Mengikut sunnah dalam beribadah
  - Jumlah atau kuantiti dalam beribadah



Soalan 11-13 adalah berdasarkan rajah di bawah:

Rukun Agama Islam	Ilmu
X	Fiqh
Y	Tauhid
Z	Tasawwuf

11. X merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- Ihsan
  - Khusyuk
  - Iman
  - Islam
12. Y merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- Ihsan
  - Khusyuk
  - Iman
  - Islam
13. Z merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- Ihsan
  - Khusyuk
  - Iman
  - Islam
14. Pilih pernyataan yang **TIDAK BENAR** :
- Aqidah merupakan seruan pertama para rasul
  - Berpegang kepada aqidah yang benar diwajibkan kepada sebahagian mukallaf
  - Aqidah yang benar merupakan syarat penerimaan ibadah
  - Berpegang kepada aqidah yang benar merupakan kewajipan seumur hidup
15. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** asal makna ibadah menurut ulamak Tafsir?
- Kehinaan
  - Khusyuk
  - Tawaduk
  - Ikatan

16. Yang manakah antara berikut merupakan ibadah khusus?
- Ali meminjamkan wang kepada rakannya yang ditimpa musibah.
  - Ahmad sentiasa menunaikan solat fardu di awal waktu.
  - Asmah memberi makan kepada pengemis yang datang ke rumahnya.
  - Pak Abu melazimi zikir sebanyak 8000 kali sehari
17. Tujuan hukuman dalam kanun jenayah Islam ialah bertujuan menjaga prinsip perundangan Islam yang tertakhluk di bawahnya lima perkara asas dalam kehidupan manusia iaitu :
- Menjaga harta
  - Menjaga nyawa
  - Menjaga agama
  - Menjaga akal
- I, II, dan III
  - I, III, dan IV
  - II, III, dan IV
  - I, II, III, dan IV

Situasi : Aminah, yang merupakan isteri kepada Ahmad telah didapati berzina dengan seorang lelaki berstatus duda.

18. Menurut perundangan Islam, apakah hukuman yang akan dikenakan terhadap Aminah?
- Rejam sampai mati
  - Sebatan 100 kali
  - Penjara
  - Denda
19. Berdasarkan situasi tersebut juga, apakah pula hukuman yang akan dikenakan kepada lelaki terbabit?
- Rejam sampai mati
  - Sebatan 100 kali
  - Penjara
  - Denda
20. Pilih pernyataan yang **BENAR** :
- Kesalahan hudud boleh diampunkan atau dikurangkan hukumannya oleh hakim
  - Pesalah diberi pilihan untuk menggantikan hukuman hudud atau qisas dengan hukuman lain
  - Hudud hanya wajib dilaksanakan apabila dituntut oleh mangsa atau keluarga mangsa
  - Qisas hanya dilaksanakan apabila dituntut oleh keluarga mangsa

21. Hukuman bagi seseorang yang mencuri kali ketiga ialah :
- Buang negeri
  - Bunuh
  - Penjara seumur hidup
  - Sebatan
22. Menurut undang-undang Islam, seseorang pesalah hanya dikenakan hukuman sekiranya :
- Baligh
  - Berakal
  - Kemahuan sendiri
  - Dipaksa
- I, II, dan III
  - I, II, dan IV
  - II, III, dan IV
  - I, II, III, dan IV

- Disyariatkan perkahwinan
- Diharamkan berzina
- Diharamkan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat

23. Pernyataan berikut merujuk kepada contoh masalah \_\_\_\_\_ yang ditetapkan oleh Islam untuk menjaga keturunan.
- Dharuriyat
  - Hajiyat
  - Tahsiniyat
  - Masuliyat
24. Rukhsah dalam ibadah seperti keharusan berbuka puasa bagi wanita hamil dan orang tua adalah contoh bagi :
- Dharuriyat
  - Hajiyat
  - Tahsiniyat
  - Inayat



25. Antara golongan yang haram dikahwini selama-lamanya termasuklah :

- I Ipar
  - II Saudara kandung
  - III Saudara susuan
  - IV Ibu bapa
- A. I, II, dan III
  - B. I, II, dan IV
  - C. II, III, dan IV
  - D. I, II, III, dan IV

- Hamidah selesa memakai baju kurung ketika keluar rumah manakala Asiah pula lebih selesa menggayakan blouse labuh bersama palazo longgar

26. Pernyataan berikut merujuk kepada ciri-ciri agama Islam yang bersifat :

- A. Tetap dan anjal
- B. Syumul
- C. Seimbang
- D. Ideal dan realistik

27. " Syariat Islam dipraktikkan di seluruh dunia merentasi sempadan geografi tanpa mengira latar belakang bangsa, budaya, bahasa, dan warna kulit ". Ayat ini menerangkan tentang sifat agama Islam yang \_\_\_\_\_.

- A. Syumul
- B. Seimbang
- C. Umum
- D. Jelas

28. Tujuan utama penciptaan manusia ialah untuk beribadah. Kenyataan ini merujuk kepada salah satu sifat agama Islam iaitu \_\_\_\_\_.

- A. Rabbani Al-Ghoyah
- B. Rabbani Al-Wijhah
- C. Rabbani Al-Masdar
- D. Rabbani Al-Manhaj

- Tingkahlaku berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah
- Matlamat mengamalkan adalah untuk memperoleh redha Allah
- Prinsip tetap dan tidak berubah

29. Berikut merupakan ciri-ciri :
- A. Etika
  - B. Akhlak
  - C. Muamalat
  - D. Adab
30. Yang manakah antara berikut merupakan sumber pengetahuan manusia ?
- I Wahyu
  - II Institusi
  - III Ilham
  - IV Pancaindera
- A. I, II, dan III
  - B. I, II, dan IV
  - C. II, III, dan IV
  - D. I, II, III, dan IV
31. Tingkat tertinggi ilmu pengetahuan ialah :
- A. Rukun iman
  - B. Hukum syarak
  - C. Mengenali Allah
  - D. Ilmu-ilmu alat
32. Pilih pernyataan yang merujuk kepada jihad asqhar atau kecil.
- A. Ahmad melawan rasa malas dalam diri.
  - B. Ali menahan diri terhadap godaan wanita untuk melakukan maksiat.
  - C. Abdullah mengorbankan nyawa di medan perang demi menegakkan Islam.
  - D. Pak Abu berusaha menghindari sifat-sifat tercela seperti berjudi dan riba.



33. Antara sumber tamadun Islam adalah seperti berikut :

- I Agama
  - II Ilmu
  - III Tinggalan artifak
  - IV Tamadun lain
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I , II, dan III
  - D. I, II, III, dan IV

34. Berikut merupakan konsep tamadun Islam **KECUALI** :

- A. Dihasilkan oleh orang Islam
- B. Berpandukan perundangan Islam
- C. Muncul pada zaman pemerintahan Islam
- D. Memberi sumbangan terhadap kehidupan manusia

Di mana sahaja Islam wujud, di situ juga terdapat tamadun Islam

35. Pernyataan berikut merujuk kepada ciri-ciri tamadun Islam yang bersifat :

- A. Sejagat
- B. Terbuka
- C. Berterusan
- D. Toleransi terhadap agama dan budaya

36. Berikut merupakan antara tokoh-tokoh Islam dalam bidang perubatan **KECUALI** :

- A. Al-Razi
- B. Al-Zahrawi
- C. Ibnu Sina
- D. Ibnu Al-Baytar

37. Pilih padanan yang **BENAR** tentang tokoh dan sumbangannya.

	<b>Tokoh</b>	<b>Sumbangan</b>
A.	Ibnu Al-Zarqiyali	Mahir dalam bidang matematik terutama rajah segi tiga
B.	Muhammad b. Musa	Mencipta sebuah kompas untuk menentukan jarak antara bulan dan bumi juga bintang dan matahari
C.	Al-Khawarizmi	Mencipta astrolab iaitu jam matahari dan juga sebuah alat yang boleh mengukur bulatan dunia
D.	Al-Ghafiqi	Mencipta sebuah alat yang boleh menimbulkan semula kapal yang telah tenggelam

38. Apabila seseorang tidak berkemampuan untuk berkahwin dan boleh menghindarkan diri daripada zina, maka dalam situasi sebegini hukum perkahwinan adalah :
- A. Wajib
  - B. Sunat
  - C. Harus
  - D. Makruh
39. Pilih pernyataan yang **BENAR** :
- A. Pemberian nafkah zahir hendaklah disandarkan kepada status kewangan dan kemampuan suami
  - B. Pemberian nafkah zahir hendaklah disandarkan kepada status sosial isteri atau kehendaknya
  - C. Suami yang memberikan nafkah kewangan yang sama rata di antara isteri-isteri dianggap adil menurut Islam
  - D. Nafkah zahir meliputi hubungan kelamin, layanan mesra, didikan agama, dan sebagainya
40. Antara berikut yang manakah institusi pendidikan yang pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW?
- I Bayt Al-Hikmah
  - II Dar Al-Arqam
  - III Suffah
  - IV Masjid
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. II, III and IV
  - D. I, II, III, dan IV
41. Berikut adalah maksud 'syura' **KECUALI** :
- A. Perundingan
  - B. Hukuman
  - C. Perbincangan
  - D. Nasihat
42. Antara tugas ahli syura ialah \_\_\_\_\_.
- I Membuat plagiarism
  - II Melakukan ijtihad
  - III Mentafsir al-Qur'an
  - IV Menasihati pemerintah
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. II, III and IV
  - D. I, II, III, dan IV



43. Pegawai pelaksana hisbah dikenali sebagai\_\_\_\_\_.
- Khalifah
  - Muhtasib
  - Amir
  - Mujtahid
44. Kesyediaan Rasulullah SAW melantik Zaid binHarithah sebagai timbalan Baginda merujuk kepada prinsip \_\_\_\_\_ dalam pemerintahan Islam.
- Keadilan
  - Ketelusan
  - Kesamarataan
  - Kebebasan
45. Berikut adalah ciri-ciri ayat Madaniyah **KECUALI** :
- Kebanyakan surah panjang
  - Berkaitan dengan prinsip iman dan akhlak
  - Berkaitan dengan hukum hakam
  - Diturunkan selepas Hijrah
46. Nama lain yang **TIDAK BENAR** bagi Al-Quran ialah :
- Al- Kitab
  - Al-Sunnah
  - Az-Zikr
  - At-Tanzil
47. Kebiasaannya sesuatu hadis disebut sebagai :
- Sunnah qauliyah
  - Sunnah fi'liyah
  - Sunnah taqririyah
  - Sunnah khuluqiyah
48. Berikut merupakan maksud mazhab dari segi bahasa **KECUALI** :
- Jalan
  - Tempat pergi
  - Cara
  - Fatwa
49. Antara berikut, yang manakah merupakan institusi ekonomi dan kewangan Islam ?
- Dar al-Hikmah
  - Bayt al-mal
  - Bayt al-Hikmah
  - Dar al-Ulum



50. Pilih kenyataan yang **BENAR**.
- Zakat diwajibkan ke atas umat Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu
  - Wakaf menjadi sunat yang umum ke atas umat Islam
  - Harta zakat kekal dan boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk
  - Sumbangan wakaf tidak kekal dimana ia digunakan dalam bentuk hangus

**BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR****( 50 MARKAH)****Arahan :** Jawab semua soalan di dalam kertas yang disediakan.

- Ibadah dalam Islam berbeza daripada agama lain berdasarkan pelbagai aspek.
  - Bincangkan ciri - ciri ibadah dalam Islam (6 markah )
  - Sebutkan jenis-jenis ibadah dalam Islam beserta contoh untuk setiap kategori ibadah tersebut. (4 markah )
- Islam agama yang lengkap sehinggakan golongan yang boleh dikahwini atau tidak diterangkan secara terperinci oleh Islam.
  - Terangkan berkenaan golongan yang haram dikahwini **selama-lamanya** beserta contoh. (3 markah )
  - Terangkan berkenaan golongan yang haram dikahwini **sementara** beserta contoh. (3 markah )
- Terangkan mengenai konsep dan ciri-ciri Tamadun Islam. (8 markah )
- Ceritakan tentang 3 institusi pendidikan yang pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW. (6 markah )
- Hukuman dalam Islam seperti hudud dan qisas boleh dikatakan lebih bersifat pencegahan dan memberi pengajaran, sebaliknya bukan berorientasikan kezaliman dan penindasan.
  - Nyatakan maksud hudud dan qisas dari segi istilah syarak. (4 markah )
  - Senaraikan kesalahan yang tertakhluk di bawah hudud beserta hukuman. (12 markah )
- Nyatakan maksud hukuman takzir dan sebutkan 2 contoh hukuman yang terdapat dalam takzir. (4 markah )

**KERTAS SOALAN TAMAT**